

**Di Sebalik Isu Natrah, 1950 : Reaksi Pembaca *The Straits Times* terhadap Tragedi Natrah
(*Behind the Issue of Natrah, 1950: The Straits Times Reader's Reaction to the Natrah Tragedy*)**

Mohd Firdaus Abdullah,* Arba'iyah Mohd Noor,** Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif,*** Norasmahani Hussain**** & Norazilawati Abd Wahab*****

Abstrak

Mengapa *The Straits Times* berusaha memberi liputan yang meluas terhadap tragedi Natrah yang berlaku pada tahun 1950? Mengapa akhbar ini memasang strategi dengan menyiarkan kiriman para pembaca mengenai Natrah dalam tempoh yang dinyatakan? Apakah kepentingan yang diperoleh oleh akhbar ini melalui luahan dan pendapat pembaca mengenai Natrah? Jawapannya ialah mereka cuba membina sokongan para pembaca melalui laporan Natrah yang dikeluarkan oleh mereka dalam tempoh yang dinyatakan. Sememangnya akhbar ini berjaya mencetuskan polemik yang tersendiri apabila dipercayai laporan yang dikeluarkan telah mencetuskan Rusuhan Natrah sehingga menyebabkan kematian dalam kalangan orang Islam pada ketika itu. Namun di sebalik laporan yang dikeluarkan, bagaimana reaksi para pembaca akhbar ini mengenai Natrah? Maka dengan itu, artikel ini ingin mempersembahkan sejauh mana laporan *The Straits Times* mengenai Natrah berjaya mempengaruhi pemikiran dan minat para pembaca dalam tempoh yang dinyatakan. Kekuatan artikel ini ialah menggunakan pendekatan sejarah dalam mentafsir niat dan tindakan subjek sejarah dalam tragedi Natrah. Sememangnya ia memberi sebuah dapatan baharu ekoran reaksi dan pemikiran pembaca akhbar ini mengenai Natrah belum pernah dihasilkan oleh mana-mana pihak sebelum ini.

Kata kunci: Natrah, Maria Huberdina Hertogh, British, Tanah Melayu, Belanda, Islam

Abstract

Why did The Straits Times make an effort to give wide coverage about the Natrah tragedy in 1950? Why did this newspaper deploy a strategy to publish letters from readers about Natrah within the specific period of time? What benefit is gained by this newspaper publishing comments and opinions from readers about Natrah? The answer lies in the fact that they were trying to maintain a support from the readers through the report of the Natrah report within the specific period of time. It is known this newspaper managed to spur its own polemic when the publication triggered the Natrah riots and causing casualties among the Muslims. Behind the publication, nevertheless, how reader's reaction about Natrah? So, in the light of this issue, this article attempts to present how the report about Natrah of The Straits Times managed to influence the thinking and interest of the readers, particularly within the specific period of time. The strength of this article lays on its historical approach applied to interpret the intention and action in the History subject of the Natrah tragedy. This study contributes new findings and novel in its approach which situated from the reaction and thinking of the newspaper's readers about Natrah.

Keywords: Natrah, Maria Huberdina Hertogh, British, Malaya, Dutch, Islam

Pengenalan

Natrah yang digelar dengan gelaran *Jungle Girls* oleh media barat sememangnya telah mendapat liputan yang meluas di seluruh dunia bermula pada tahun 1950. Gelaran *Jungle Girls* yang diberikan kepada Natrah telah menunjukkan bagaimana media barat sangat bias dan cuba membina persepsi

* Mohd Firdaus Abdullah (Ph.D) (corresponding author), Senior Lecturer, History Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. Email: mohdfirdaus_abdullah@usm.my.

** Arba'iyah Mohd Noor (Ph.D), Senior Lecturer, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: arbaiyah@um.edu.my.

*** Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: shahrulazhasharif@gmail.com.

**** Norasmahani Hussain (Ph.D), Senior Lecturer, History Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. Email: norasmahani@usm.my.

***** Norazilawati Abd Wahab, Centre for Foundation and Liberal Education (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia. Email: norazilawatiwahab@unisza.edu.my.

yang sangat buruk meskipun mereka didapati telah kalah dengan kuasa kecil seperti Jepun dalam perang dunia kedua sebelum itu. Namun begitu, meskipun kalah dalam peperangan, mereka sedar dengan menggunakan media cetak, mereka boleh menguasai dunia melalui ideologi, propaganda, penyebaran budaya seperti *cultural imperialisme* dan sebagainya seperti penglibatan mereka dalam tragedi Natrah. Ini menunjukkan, penjajahan tidak hanya melalui peperangan dan penaklukan semata-mata, namun ia adalah lebih dari itu. Namun perbincangan ini bukannya hendak menumpukan mengenai istilah yang dinyatakan sebaliknya ia lebih khusus bagaimana *The Straits Times* berusaha menyiarkan kiriman pembaca berkaitan isu ini.¹

Dapat dilihat *The Straits Times* telah meletakkan mereka sebagai sebuah akhbar yang berperanan penting dalam menyiarkan isu-isu berkaitan Natrah saban hari.² Persoalannya, mengapa *The Straits Times* begitu ghairah mensensasikan isu Natrah sedangkan pada tempoh yang dinyatakan, British dilihat semakin lemah ekoran banyak tanah jajahan seperti Tanah Melayu sedang berusaha melepaskan diri daripada penjajah dan beberapa situasi yang lain. Secara jelasnya, Natrah dilihat mewakili kepentingan mereka. Sebagai sebuah akhbar yang berpengaruh dan menjadi lidah rasmi kepada Kerajaan British di Tanah Melayu, tindakan mereka dengan serius mensensasikan tragedi Natrah berdasarkan persepsi mereka merupakan salah satu cara bagaimana mereka memberi sokongan moral kepada Kerajaan British dan Kerajaan Belanda yang sedang berusaha ‘menculik’ Natrah semula daripada ibu angkatnya.

Maka dengan itu, bermula daripada peristiwa perkahwinan sehingga kes perbicaraan tuntutan hak penjagaan terhadap Natrah di mahkamah, *The Straits Times* sentiasa mengambil peluang untuk menyiarkan isu-isu berkaitan Natrah kepada umum.³ Selepas Natrah diperintahkan kembali ke pangkuan ibu bapa kandung beliau di Belanda, *The Straits Times* telah memperlakukan tumpuan mereka terhadap laporan mengenai Natrah. Artikel ini berpendapat, tindakan yang dinyatakan hanyalah simbolik bagi mereka meraikan kejayaan mereka mencapai matlamat mensensasikan isu mengenai Natrah. Ini kerana laporan mereka telah mencetuskan Rusuhan Natrah yang memperlihatkan bagaimana masyarakat Islam dari seluruh dunia menzahirkan ketidakpuasan hati mereka terhadap laporan akhbar ini dan keputusan mahkamah yang memerintah Natrah kembali ke ibu bapa kandung beliau.

Rajah 1. Natrah yang Digelar ‘Jungle Girl’ oleh Media Barat



Sumber: *Bradford Observer*, 16 Disember 1950

¹ *The Straits Times* ialah akhbar Inggeris yang dimana pusat pengeluarannya bertempat di Singapura dan telah ditubuhkan pada 15 Julai 1845. Ia dimiliki oleh Singapore Press Holdings (SPH). Edisi mingguan dikenali sebagai *The Sunday Times*. Sila rujuk Ahmad Adam (1992), *Sejarah Bibliografi Akhbar Dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 29.

² *Singapore Standard* merupakan akhbar pertama di Tanah Melayu yang memperkenalkan Maria @ Natrah kepada umum. Ini dapat dilihat melalui artikel pertama mengenai beliau iaitu artikel “*Judgment, Reserved in Malay’s Appeal for Dutch Girl*,” 7 Julai 1950.

³ Perak Secretariat 264/195, Protest By The Malays And Ulama’s Of Hijaz Against The Decision Of The High Council Singapore On The Natrah Case, Judgment In The “Nadra” Case, Mustaffa Afifi, 25 Disember 1950, Mecca.

Hujah dalam artikel ini jelas menunjukkan langkah terbaik pihak berkuasa menguasai masyarakat, penguasaan dan monopoli terhadap sesebuah isu melalui akhbar adalah strategi terbaik yang perlu dilakukan. Tragedi Natrah dilihat sebagai satu peluang bagi akhbar ini membentuk sokongan dan mengkonstruksi pembaca terhadap isu yang dibawa oleh mereka yang lebih bersifat pro-Barat dan menyokong sepenuhnya tuntutan ibu bapa kandung Natrah dari Belanda. Akhbar ini menyedari bahawa mereka harus bertindak bijak dalam mensensasikan isu Natrah melalui perancangan yang sistematik. Artikel ini turut berpendapat, antara strategi yang digunakan oleh akhbar ini ialah dengan membentuk sokongan dalam kalangan pembaca melalui penyiaran kiriman pembaca sepanjang tempoh yang dinyatakan. Akhbar ini juga menyedari mereka lebih maju ke hadapan ekoran kegagalan akhbar-akhbar Melayu seperti Utusan Melayu, Majlis, Warta Negara dan lain-lain lagi menyediakan sebuah platform kepada para pembaca menyiarkan rasa hati mereka terhadap Natrah yang begitu dikasihi oleh masyarakat Islam di seluruh dunia. Namun begitu, adakah akhbar ini berjaya menguasai sepenuhnya pembaca dalam laporan mengenai Natrah dalam tempoh yang dinyatakan? Bagi menjawab persoalan yang dinyatakan, artikel ini akan ingin melihat sejauh mana laporan *The Straits Times* mengenai Natrah berjaya mempengaruhi pemikiran dan minat para pembaca dalam tempoh yang dinyatakan? Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dan sepenuhnya menggunakan kaedah metodologi sejarah. Sumber primer dan sumber sekunder akan dicari, dianalisis dan dikritik bagi menghasilkan sebuah dapatan kajian yang mantap dan mampu menyempurnakan jurang yang ditinggalkan oleh penyelidikan berkaitan Natrah sebelum ini. Sumber-sumber yang dinyatakan adalah diperoleh dari Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan IPTA di seluruh Malaysia, platform online dan sebagainya.

Persoalan Natrah @ Maria Huberdina Hertogh

Peristiwa Natrah @ Maria Huberdina Hertogh⁴ merupakan sebuah peristiwa penting yang berlaku di Singapura pada penghujung tahun 1950. Bagaimana peristiwa ini dianggap penting dan apakah simbolik Natrah terhadap perkembangan sejarah di Tanah Melayu? Bagi menjawab persoalan yang dinyatakan, peristiwa ini adalah melibatkan perebutan hak penjagaan terhadap Natrah⁵ yang dikemukakan oleh ibu bapa kandung beliau dari Belanda kepada Mansoor Adabi⁶ yang merupakan suami Natrah pada ketika itu.⁷ Secara ringkasnya, Natrah atau Maria Huberdina Hertogh merupakan anak gadis berketurunan Belanda dan dikatakan telah diserahkan oleh ibu kandung beliau iaitu Mrs. Hertogh⁸ kepada Che Aminah untuk dipelihara.⁹ Tindakan yang dilakukan oleh Mrs. Hertogh ini kerana beliau mengalami kesempitan hidup ketika itu ekoran suami beliau iaitu Mr. Hertogh telah dijadikan tahanan ketika pendudukan Jepun di Indonesia.¹⁰

Mrs. Hertogh juga mempunyai bilangan anak yang ramai iaitu sebanyak enam orang termasuk Natrah. Natrah telah diislamkan dan dibawa ke Kemaman, Terengganu serta tinggal bersama Che Aminah di

⁴ Hanya *The Straits Times* dan *Singapore Standard* sahaja yang menggunakan panggilan "Maria Bertha Hertogh" atau "Bertha" dalam penulisan mereka di Tanah Melayu. Namun akhbar-akhbar dan majalah seperti Utusan Melayu, Warta Negara, Majlis, Pengasuh dan lain-lain lagi menggunakan panggilan "Nadra" iaitu nama beliau selepas diislamkan.

⁵ "Natrah" merupakan nama panggilan selepas Maria diislamkan ketika dalam penjagaan Che Aminah. Namun, kebanyakan akhbar-akhbar Melayu lebih menggunakan panggilan "Nadra" berbanding dengan Natrah. Selepas dihalusi, sememangnya panggilan "Natrah" adalah bersifat lebih dekat dengan komuniti Melayu dari dahulu sehingga sekarang. Oleh itu, dapat dilihat nama "Natrah" lebih digunakan dalam penulisan sekarang berbanding "Nadra".

⁶ Mansoor Adabi ialah anak tunggal kepada penulis dan sasterawan terkenal sebelum Perang Dunia Kedua di Kelantan, Abdul Kadir Adabi. Beliau dilahirkan di Kelantan pada tahun 1928 dan berhijrah ke Singapura pada tahun 1944 yang bertujuan untuk mempelajari Bahasa Inggeris dan Bahasa Jepun di Singapura. Sila rujuk Syed Muhd Khairudin Aljunied (2009), *Colonialism, Violence and Muslim in Southeast Asia, The Maria Hertogh Controversy and Its Aftermath*, London: Routledge, h. 16

⁷ Tuntutan hak penjagaan terhadap Maria oleh ibu bapa kandung Maria dari Belanda telah dinamakan atas nama Mansoor Adabi, manakala Che Aminah menjadi responden kedua. Ini kerana Maria telah berkahwin dengan Mansoor Adabi dan secara tidak langsung hak penjagaan terhadap Maria pada ketika itu adalah berada dalam jagaan Mansoor Adabi. Sila rujuk Perak Secretariat 264/195, Protest By The Malays And Ulama's Of Hijaz Against The Decision Of The High Council Singapore On The Natrah Case, Judgment In The "Nadra" Case, Mustaffa Afifi, 25 Disember 1950, Mecca.

⁸ Adeline @ Mrs. Hertogh merupakan anak kepada Luise Hunter Winterberg dan Joseph Hunter. Adeline mempunyai seorang saudara lelaki yang bernama Soewaldi. Adeline telah membesar dalam keluarga Islam selepas ibu beliau memeluk Islam dan menghabiskan separuh umur beliau di bumi Melayu. Ketika berumur 15 tahun, beliau telah berkahwin dengan Mr. Hertogh di Gereja Roman Katolik di Bandung, Indonesia pada 22 November 1933. Sila rujuk *Dewan Masyarakat*, Februari 1989, h. 8.

⁹ Maria Huberdina (Bertha) Hertogh telah dilahirkan di Tjimahi, Jawa pada 24 Mac 1937. Sila rujuk CO 537 / 7302, Political Development Postem Affairs and Opinion, The History of the Hertogh Case, Jan. 1951.

¹⁰ Majalah Qalam, edisi September 1950 telah memperkenalkan Maria @ Natrah sebagai anak angkat kepada Che Aminah yang pada asalnya merupakan anak seorang sarjan Belanda. Natrah telah diberikan kepada Che Aminah di Jawa pada tahun 1942 iaitu bersamaan dengan tahun Belanda menyerah kalah kepada Jepun pada tahun yang sama. Dalam artikel ini juga ada menyatakan bahawa Maria @ Natrah tidak disayangi oleh kedua ibu bapanya. Disebabkan itulah, Natrah @ Maria telah diberikan kepada Che Aminah sehingga beliau membawa Natrah @ Maria ke Kemaman.

sana.¹¹ Konflik bermula pada tahun 1949 apabila Pegawai Pentadbir Timur, di Terengganu iaitu Locked telah menjumpai Natrah di sekolah beliau. Perkahwinan Natrah dengan Mansoor Adabi pada 1 Ogos 1950 telah memperkenalkan Natrah kepada umum. Ini kerana sebelum majlis perkahwinan ini dilangsungkan, Natrah baru sahaja tiga hari dikembalikan kepada Che Aminah oleh Mahkamah Singapura setelah Kerajaan Belanda kalah terhadap tuntutan hak penjagaan terhadap Natrah. Bermula dari peristiwa perkahwinan tersebut, ia telah merubah kehidupan Natrah sehingga diperintahkan kembali ke pangkuan ibu bapa kandung beliau di Belanda. Implikasi daripada kes ini telah menyinggung perasaan dan sensitiviti masyarakat Islam terutamanya masyarakat Melayu. Melalui peristiwa Natrah, dapat dilihat seluruh dunia memberi tumpuan terhadap Tanah Melayu melalui laporan-laporan akhbar terkemuka di seluruh dunia.¹² Malah tragedi Natrah adalah mewakili kepentingan terhadap agama Islam dan Kristian apabila seorang gadis yang berusia 13 tahun telah mencetus polemik tersendiri melalui status agamanya. Selain itu, peristiwa Natrah juga turut menyaksikan bagaimana masyarakat Islam dari seluruh dunia bersatu dan memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Natrah. Sekiranya melihat dengan lebih khusus, masyarakat Melayu pada ketika ini sangat menyayangi dan mengasihani Natrah. Tindakan masyarakat Melayu di seluruh Tanah Melayu bersatu pada ketika ini meskipun UMNO mengambil keputusan tidak campur tangan dalam tragedi ini sebenarnya telah mengukir sejarah yang indah dalam lipatan sejarah negara. Selepas Malayan Union, peristiwa Natrah merupakan sebuah peristiwa yang berjaya menyatupadukan masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Situasi ini tidak pernah berlaku ketika zaman Kerajaan Melayu tradisional dan pada masa kini yang memperlihatkan bagaimana masyarakat Melayu berpecah mengikut sokongan parti politik Melayu yang mempunyai pelbagai ideologi. Oleh itu, sememangnya tragedi Natrah mempunyai signifikan yang tersendiri dalam lipatan sejarah di negara kita.

Rajah 2. Natrah Menangis dan Ditenangkan oleh Sister di Gereja dan Situasi Ini Bertentangan dengan Laporan The Straits Times yang Menyatakan Beliau Sangat Gembira Tinggal di Gereja



Sumber: Arkib Negara Malaysia

Kajian Literatur

Sememangnya, penyelidikan lepas mengenai Natrah dilihat telah mendapat tumpuan dalam kalangan penyelidik sebelum ini. Artikel ini berpendapat, situasi ini tidak memmeranjatkan ekoran Tragedi Natrah dilihat boleh dianalisis dan dibincangkan mengikut dalam pelbagai disiplin ilmu seperti perundangan, media, sejarah, sosiologi dan antropologi dan lain-lain lagi. Pelbagai dapatan mengenai

¹¹ Che Aminah Binte Mohamed dikatakan berasal daripada keluarga bangsawan yang terkenal di Kemaman, Terengganu. Ini dapat dibuktikan melalui penghakiman yang dilakukan oleh Hakim Justice Brown yang menggambarkan dengan jelas mengenai Che Aminah iaitu "This Malay lady is not a kampong women. In Europe she would described as belonging to the bourgeoisie or middle class". Sila rujuk *The Straits Times*, "Aminah Collapses at Parting," 3 Disember 1950.

¹² Akhbar utama di Indonesia iaitu "Indonesia Raya" telah memberi kritikan yang hebat kepada Organisasi Muslim Singapura terhadap penglibatan mereka dalam perbicaraan Natrah. Sila rujuk CO 537 / 7302, Political Development Postem Affairs and Opinion, From Djakarta (Batavia) To Foreign Office, 24 Jan. 1951.

Natrah telah dikemukakan dalam dunia akademik dan memberi pemahaman yang jelas mengenai konflik yang berlaku terhadap Natrah. Malah peristiwa Natrah, ianya dilihat telah menyatukan pelbagai disiplin ilmu untuk mengkaji mengenai isu yang sama. Meskipun terdapat perbezaan dapatan kajian seperti yang dinyatakan, keseluruhan maklumat mengenai Natrah adalah diperolehi daripada sumber kolonial dan akhbar-akhbar yang menjadi lidah rasmi mereka. Tetapi bagi mengimbangi maklumat yang diperolehi dari sumber kolonial, sumber tempatan seperti akhbar dan majalah dari Tanah Melayu turut dirujuk supaya perbandingan maklumat berkaitan isu ini dapat dilakukan dengan analisis yang lebih mendalam.¹³

Sehingga kini, kebanyakan penyelidikan mengenai Natrah dilihat melaporkan mengenai Natrah sebagai seorang anak Belanda, diserahkan kepada ibu angkatnya, Che Aminah dan akhirnya dibawa ke Belanda. Antara sarjana yang terlibat dalam penulisan mengenai Natrah ialah Fatini Yaacob, *Natrah (1937-2009) Nadra @ Huberdina Maria Hertogh @ Bertha : Cinta, Rusuhan, Air Mata*¹⁴, Haja Maideen, *Tragedi Nadra: Kontroversi Maria Hertogh*¹⁵, Syed Muhd Khairudin Aljunied, *Colonialism, Violence And Muslim In Southeast Asia, The Maria Hertogh Controversy And Its Aftermath*¹⁶, Tom Eames Hughes, *Tangled Worlds : The Story of Maria Hertogh*,¹⁷ Ramlah Adam, *Gerakan Radikalisme Di Malaysia (1938-1965)*,¹⁸ M. Hooker, *Essay: Maria Was a Christian - Nadra Was a Muslim: Hertogh Revisited*¹⁹, Nordin Hussin, *Malay Press and Malay Politics: The Hertogh Riots in Singapore*, Maila Stevens, *Religion, Nation and Mother-love: The Malay Peninsula Past and Present*²⁰, Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif & Arba'iyah Mohd Noor, *Syed Abdullah Hamid al-Edrus: Perjalanan sebagai Penulis, Penerbit dan Pengasas Qalam* dan lain-lain lagi.²¹ Melalui kajian lepas yang disenaraikan, ianya dapat memberi gambaran dan kecederungan awal penyelidikan lepas mengenai Natrah. Meskipun penyelidikan ini menumpukan dan mengemukakan pandangan mengenai tanggapan dan penerimaan pembaca *The Straits Times* mengenai Natrah dalam tempoh yang dinyatakan, artikel ini berpendapat, masih terdapat ruang dan *angle* lain mengenai Natrah yang boleh dihasilkan dalam penyelidikan yang lain. Misalnya analisis visual mengenai Natrah oleh akhbar-akhbar di Tanah Melayu dan diseluruh dunia merupakan salah satu skop kajian yang belum pernah dihasilkan sebelum ini. Malah tragedi Natrah juga boleh dianalisis berdasarkan pendekatan *gender studies* yang dilihat juga belum pernah dihasilkan oleh penyelidik lain sebelum ini. Penyelidik berharap pada masa hadapan, akan diberi kesempatan untuk menyempurnakan dan meneruskan penyelidikan yang dicadangkan supaya dapatan kajian melalui tragedi Natrah lebih unik dan bervariasi berbanding dapatan yang sedia ada.

Analisis Kiriman Pembaca Mengenai Isu Perkahwinan Natrah dalam *The Straits Times*

The Straits Times mempunyai ruangan khas untuk para pembaca mengirinkan segala pendapat, idea dan cadangan mengenai isu yang dikemukakan saban hari melalui akhbar ini. Melalui ruangan "*Man In The Street*," para pembaca diberi peluang untuk menyampaikan segala pendapat mereka bagi disiarkan dalam akhbar ini.²² Para pembaca hanya perlu mengirinkan kiriman mereka bagi disiarkan dalam akhbar ini dan sekiranya kiriman tersebut diterima, *The Straits Times* akan memberikan ulasan terhadap kiriman yang disiarkan. Manakala bagi keluaran *The Straits Times* setiap hari Sabtu pula, ruangan khas kepada kiriman pembaca telah dibesarkan dan dimuatkan dalam satu halaman dalam *The Sunday Times*.²³ Ruangan ini merujuk kepada "*Saturday Forum*" dan para pembaca bebas memberikan segala pendapat mereka dalam ruangan ini.²⁴

¹³ Warta Negara melalui artikel pertama mereka mengenai Maria @ Natrah pada 9 Ogos 1950, melalui artikel "*Perkara Natrah*". Artikel ini memperkenalkan Maria melalui maklumat yang diperolehi oleh Che Aminah sendiri dan ianya membuka ruang kepada masyarakat Melayu yang merupakan pembaca bagi akhbar ini, mengenali dan mengikuti hal yang melingkari Maria @ Natrah dengan lebih lanjut lagi.

¹⁴ Fatini Yaacob (2010), *Natrah (1937-2009) Nadra @ Huberdina Maria Hertogh @ Bertha : Cinta, Rusuhan, Air Mata*, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

¹⁵ Haja Maideen (1989), *Kontroversi Maria Hertogh, Tragedi Nadra*, Selangor: Ibs Buku Sdn. Bhd.

¹⁶ Aljunied, *Colonialism, Violence and Muslim in Southeast Asia*.

¹⁷ Hughes, Tom Eames (1980), *Tangled Worlds: The Story of Maria Hertogh*. No. 1. Institute of Southeast Asian.

¹⁸ Ramlah Adam (2004), *Gerakan Radikalisme Di Malaysia (1938-1965)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

¹⁹ Hooker, M. (2014), "Essay: Maria Was a Christian-Nadra Was a Muslim: Hertogh Revisited," *Australian Journal of Asian Law*, Jil. 14, Bil. 2.

²⁰ Nordin Hussin (2005), "Malay Press and Malay Politics: The Hertogh Riots in Singapore," *Asia Europe Journal*, Jil. 3, Bil. 4, h. 561-575.

²¹ Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif & Arba'iyah Mohd Noor (2019), "Syed Abdullah Hamid al-Edrus: Perjalanan sebagai Penulis, Penerbit dan Pengasas Qalam," *Sejarah: Journal of the Department of History*, Jil. 28, Bil. 1, 86-101.

²² Ruangan "*Man In The Street*" disiarkan saban hari dalam *The Straits Times* kecuali pada hari ahad.

²³ Ruangan "*Saturday Forum*" diberikan paparan berupa satu halaman dalam *The Straits Times*.

²⁴ Ruangan "*Saturday Forum*" merupakan ruangan yang sangat popular dan sangat diminati oleh para pembaca dalam *The Straits Times* setiap hari Sabtu.

Isu mengenai Natrah yang disensasikan oleh akhbar ini dalam tempoh yang dinyatakan telah mendapat tempat dalam kalangan pembaca. Secara keseluruhan, pembaca *The Straits Times* lebih memfokuskan perbincangan mengenai isu perkahwinan Maria berbanding isu lain yang berkaitan Maria selama ini. Keadaan ini berlaku kerana, *The Straits Times* telah menggalakkan para pembaca membincangkan isu perkahwinan Natrah berbanding dengan isu lain. Ia dapat dilihat dalam ruangan “*Man In The Street*”²⁵ pada 14 Ogos 1950 yang mempunyai pesanan khas dari *The Straits Times* iaitu “*During the weekend The Straits Times received many more letters from readers of all communities on the Maria Hertogh case. A Selection is given below as a cross-section of Malayan public opinion on this marriage which has attractes would-wide attention.*”²⁶ Tindakan yang dilakukan oleh akhbar ini sebenarnya telah melahirkan sebuah persoalan unik. Secara jelasnya, apa kepentingan peristiwa perkahwinan Natrah kepada akhbar ini sehingga mereka menggalakkan pembaca memberi pendapat dan komen mengenai peristiwa yang dinyatakan? Bagi menjawab persoalan ini, artikel ini melihat akhbar ini sememangnya memperkenalkan Natrah melalui peristiwa perkahwinan beliau. Maka adalah tidak pelik sekiranya akhbar ini menggalakkan para pembaca memberikan pendapat dan komen berkaitan peristiwa yang dinyatakan. Sudah semestinya akhbar ini ingin melihat adakah laporan mereka mengenai isu yang dinyatakan berjaya atau sebaliknya mempengaruhi pembaca.

Rajah 3. The Straits Times, “*Secret Wedding : Love At First Sight*”



Sumber: The Straits Times, “*Secret Wedding : Love At First Sight*”- Maria, 4 Ogos 1950

Kiriman terawal mengenai Natrah dikirimkan oleh pembaca pada 9 Ogos 1950 melalui ruangan “*Man In The Street*”.²⁷ Kiriman pembaca yang dilihat sangat panjang lebar ini datang daripada kiriman A. Corvin Romanski dari Singapura. Kiriman beliau yang berjudul “*Maria’s Marriage*,” merupakan luahan rasa pengirim mengenai isu Natrah yang kerap dibangkitkan oleh akhbar ini. Pengirim telah menyatakan kekesalan beliau mengenai segala laporan berita mengenai Natrah dan meminta akhbar ini tidak lagi mengganggu kehidupan Natrah. Pembaca ini juga menyatakan bahawa Natrah tidak lagi berada di bawah tanggungjawab ibu bapa kandung beliau dari Belanda. Namun ia berada dalam tangan Che Aminah kerana ibu angkat Natrah ini berhak untuk menentukan segala yang terbaik bagi beliau sekarang. Pengirim juga ada membangkitkan mengenai kebarangkalian akan berlakunya gangguan psikologi dan emosi kepada Natrah yang telah berusia 13 tahun atau 14 tahun pada ketika itu melalui laporan akhbar ini. Selain itu, pengirim telah memberikan nasihat kepada *The Straits Times* supaya berhati-hati membangkitkan isu perkahwinan Natrah. Tindakan takhbar ini dilihat telah menyentuh sensitiviti masyarakat Melayu dan umat Islam. Pengirim ini telah melahirkan perasaan

²⁵ Ruangan “*Man In The Street*” pada tarikh yang dinyatakan ini agak mengejutkan kerana *The Straits Times* bertindak untuk memberi pesanan khas kepada para pembaca. Ini kerana *The Straits Times* menyatakan bahawa mereka telah banyak menerima kiriman para pembaca untuk disiarkan dalam ruangan ini. Oleh itu, mereka telah menetapkan supaya kiriman pembaca yang mempunyai perbincangan mengenai perkahwinan Natrah sahaja yang akan diutamakan. Tindakan yang dilakukan oleh *The Straits Times* ini mempunyai tafsiran yang tersendiri. Ini kerana *The Straits Times* mahu memberi fokus penting terhadap perkahwinan Maria yang dibuktikan melalui isu sensasi mengenai perkahwinan Natrah yang sentiasa menjadi pilihan akhbar ini setiap hari. Selain itu, dirasakan *The Straits Times* mahu memprogramkan pemikiran para pembaca supaya mereka memberi tumpuan penuh mengenai isu perkahwinan Natrah berbanding isu lain.

²⁶ The Straits Times, “*Man In The Street*,” 14 Ogos 1950.

²⁷ The Straits Times, “*Man In The Street, Maria Marriage*,” 9 Ogos 1950.

bimbang akan tercetusnya peristiwa yang tidak diinginkan pada masa hadapan sekiranya akhbar ini terus-menerus tidak menghormati adat dan kepercayaan masyarakat Melayu dan umat Islam. Percaturan keluarga dalam perkahwinan merupakan amalan biasa dalam perkahwinan masyarakat Melayu. Oleh itu, pengirim merasakan wajar untuk *The Straits Times* tidak menyentuh perkara ini dengan berlebihan.

Kiriman pembaca ini sememangnya telah mendapat perhatian oleh *The Straits Times*. Akhbar ini menyatakan bahawa individu yang mengaturkan perkahwinan Natrah seharusnya dikritik kerana pembicaraan mengenai Natrah masih belum lagi selesai sepenuhnya. Ia meliputi tiga keadaan iaitu, pertikaian undang-undang yang masih belum lagi diselesaikan, pertikaian mengenai umur Natrah ketika berkahwin dan percaturan perkahwinan Natrah yang dilakukan oleh Che Aminah. Akhir sekali akhbar ini telah bertindak menyindir pengirim terbabit dengan menyatakan bahawa segala perbincangan dan cadangan yang dikemukakan mengenai isu berkaitan Natrah haruslah disertai dengan laporan dan gambar yang berkaitan. Ia tidak hanya sekadar pendapat yang berlandaskan emosi dan bias semata-mata.²⁸

Melihat secara keseluruhan kiriman tersebut, ia agak mengejutkan kerana kiriman ini tidak bersifat pro-barat dan menyokong laporan dari *The Straits Times*.²⁹ Situasi ini menunjukkan bahawa, tidak semestinya pembaca akhbar ini menyokong sepenuhnya laporan berita *The Straits Times* mengenai Natrah. Malah kiriman berkenaan dilihat lebih pro-Natrah dan pro-Melayu serta bertentangan dengan matlamat akhbar ini yang cuba untuk meraih sokongan pembaca mereka melalui laporan yang dikeluarkan oleh mereka melalui peristiwa yang dinyatakan. Sememangnya kiriman ini telah memberi tamparan hebat kepada akhbar ini, kerana seharusnya kiriman pembaca terawal seharusnya berpihak kepada mereka. Namun ianya tidak berlaku seperti yang diharapkan, malah menunjukkan pengirim tidak terpengaruh dengan tindakan akhbar ini mengkonstruksi para pembacanya mengenai Natrah. Cuma timbulnya persoalan, mengapa akhbar ini tetap menyiarkan kiriman pembaca yang tidak menyokong tindakan mereka? Artikel ini melihat, tindakan tersebut merupakan strategi mereka supaya kiriman ini dikritik oleh pembaca lain ekoran tidak bersifat pro-barat dan berlawanan seperti yang diharapkan. Malah melalui strategi ini, ianya dapat mengalih rasa kekecewaan mereka dan pembaca lain akan memainkan peranan

Dalam ruangan "*Man In The Street*" pada 10 Ogos 1950, terdapat tiga kiriman pembaca yang disiarkan dalam *The Straits Times*.³⁰ Kiriman yang pertama adalah daripada S. I. O Alsagoff yang berjudul "*Maria Hertogh's Marriage: A Muslim View*". Intipati kiriman ini ialah berkisarkan mengenai perkahwinan dalam Islam. Pengirim telah menyatakan dengan jelas, undang-undang perkahwinan Islam adalah melarang perkahwinan gadis dibawah umur 16 tahun ke bawah. Undang-undang perkahwinan ini merentasi budaya dan adat di negara-negara Islam. Pengirim telah memberi contoh di Mesir, sekiranya berlaku perkahwinan gadis Islam dibawah umur 16 tahun, ibu bapa gadis tersebut akan dipersalahkan. Islam memberi kelonggaran apabila sesebuah negara meluluskan undang-undang perkahwinan dengan umur sedemikian. Merujuk kepada Natrah yang dibesarkan dengan budaya Melayu dan didikan Islam yang baik, pengirim menyatakan bahawa perkara ini haruslah diadili berdasarkan undang-undang Islam. Ini kerana Natrah merupakan seorang Muslim dan seharusnya diadili dengan undang-undang perkahwinan Islam, bukannya undang-undang perkahwinan Kristian. Pengirim juga bersetuju dengan *The Straits Times* kerana menurut beliau, perkahwinan ini adalah tergesa-gesa dan seharusnya pihak yang terlibat mendapatkan nasihat terlebih dahulu sebelum melangsungkannya. Namun diakui, Natrah sememangnya seorang gadis yang matang dan bersedia untuk perkahwinan ini. Akhir sekali pengirim berharap, perkahwinan ini kekal kerana Natrah telah berkahwin dengan golongan yang terpelajar dan meminta semua mengambil pengajaran melalui perkahwinan ini.³¹

²⁸ The Straits Times, "Man In The Street, Maria Marriage," 9 Ogos 1950.

²⁹ Respon pertama yang dikirimkan oleh pengirim sangat mengejutkan kepada kajian ini kerana ia adalah memihak kepada Che Aminah dan Mansoor Adabi. Ini kerana seperti yang diketahui umum, *The Straits Times* adalah berpihak kepada golongan pro-barat dan semestinya kiriman pembaca adalah bersifat menyokong segala artikel yang dikeluarkan oleh akhbar ini saban hari. Namun kiriman pertama telah membuktikan bahawa *The Straits Times* turut diikuti oleh golongan lain iaitu merujuk kepada golongan yang pro-Melayu.

³⁰ The Straits Times, "Man In The Street, Maria Hertogh's A Muslim View," 10 Ogos 1950.

³¹ *Ibid.*

Rajah 4. The Straits Times, “Father Of Maria Not For S’Pore” dan “Maria Goes To Another Party”



Sumber: *The Straits Times*, “Father Of Maria Not For S’Pore” dan “Maria Goes To Another Party,” 7 Ogos 1950

Kiriman kedua ialah daripada M. Z. dari Alor Setar, Kedah.³² Kiriman beliau yang berjudul “*From A Malay*” pada awalnya menyindir akhbar ini dengan menyatakan rasa kagum beliau terhadap segala rencana yang dikeluarkan oleh *The Straits Times* mengenai Natrah. Beliau beranggapan isu Natrah adalah berkait rapat dengan hak penjagaan terhadap beliau iaitu merujuk kepada perebutan oleh ibu angkat beliau iaitu Che Aminah dan ibu bapa kandungnya di Belanda. Pengirim telah menyimpulkan bahawa, perkahwinan yang ini dipercayai dirancang oleh pihak tertentu supaya Natrah menjadi semakin matang dan dewasa. Tidak mustahil ada lelaki yang meminati Natrah dan tidak membenarkan Natrah membuat sebarang keputusan mengenai perkara ini, dan terus melangsungkan perkahwinan mereka.³³

Kiriman ketiga adalah berjudul “*An Indian View*,” yang merupakan kiriman daripada M. V. A dari Singapura.³⁴ Pada awalnya, pengirim telah mengucapkan syabas kepada akhbar ini melalui artikel mereka mengenai perkahwinan Natrah pada 5 Ogos 1950. Pengirim telah menyatakan bahawa beliau terpanggil untuk membincangkan perkara ini dengan lebih mendalam berdasarkan pemahaman beliau. Beliau telah mengaitkan dengan beberapa perkara mengenai isu Natrah dan menjadikan Che Aminah sebagai tumpuan utama beliau dalam memberikan penilaian. Akhir sekali, beliau menyatakan bahawa perkahwinan yang berlaku ini adalah berkait rapat dengan ciri kebudayaan masyarakat Melayu. Sebarang pertentangan akan menyebabkan ciri budaya ini tergugat dan akan menimbulkan suasana yang tegang pada masa hadapan.³⁵

Secara keseluruhan melalui kiriman yang dinyatakan, ia jelas menunjukkan bahawa isu Natrah sangat mendapat tempat dalam kalangan pembaca *The Straits Times*. Namun begitu, melalui kiriman awal yang dinyatakan ini, para pengirim dilihat tidak begitu terpengaruh dengan *The Straits Times*

³² The Straits Times, “Man In The Street, From A Malay,” 10 Ogos 1950.

³³ *Ibid.*

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*

sepenuhnya. Para pengirim telah menganalisis dengan baik berdasarkan kronologi kes dan maklumat tambahan yang lain. Misalnya bagi kiriman pertama yang berjudul “*Maria Hertogh’s Marriage: A Muslim View*,” pengirim telah menganalisis kajian kes dengan baik melalui rujuk silang berkenaan undang-undang perkahwinan Islam. Pengirim ini tidak sepenuhnya menyokong artikel *The Straits Times* tetapi turut memberi input yang berguna kepada akhbar ini dan para pembaca yang lain supaya mengambil pengajaran melalui isu yang dinyatakan.

Kiriman kedua yang berjudul “*From A Malay*,” telah menunjukkan pasaran dan edaran *The Straits Times* telah sampai ke negeri Kedah. Ini menunjukkan akhbar ini bukan sahaja untuk bacaan di negeri-negeri selat semata-mata, malah meluas sehingga ke utara Tanah Melayu. Penyelidikan ini melihat melalui sindiran yang diberikan, pengirim dilihat kurang senang dengan tindakan akhbar ini yang tidak menghormati perkahwinan yang berlangsung antara Natrah dan Mansoor Adabi. Malah sekiranya dianalisis dengan lebih mendalam, terdapat persamaan antara pengirim kedua dan pengirim ketiga yang merupakan pengirim berbangsa India. Bagi mereka, tindakan akhbar ini yang terus-menerus mensensasikan perkahwinan Natrah dilihat tidak menghormati adat dan budaya orang Melayu. Penyelidikan ini melihat pengirim yang tersenarai sememangnya menganggap Natrah telah ‘dimelayukan’ dan seharusnya mengikuti kehidupan yang diamalkan oleh orang Melayu misalnya anak-anak gadis dikahwinkan dengan usia yang sangat muda. Malah, pengirim sememangnya telah menyedari akhbar ini telah mula mencampuri urusan adat istiadat Melayu dan urusan agama Islam, meskipun sewaktu menjajah Tanah Melayu sebelum itu, mereka berjanji untuk tidak mengganggu gugat urusan yang dinyatakan. Ini menunjukkan British melalui *The Straits Times* tidak mengambil iktibar melalui reaksi dan penentangan orang Melayu yang berlaku sebelum ini seperti bagaimana J. W. W. Birch dibunuh ekoran tindakan beliau mencampuri urusan adat istiadat Melayu di Perak, bagaimana penentangan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu, bagaimana penentangan yang melibatkan Tok Janggut di Kelantan dan lain-lain lagi. Meskipun pengirim yang tersenarai tidak menyatakan dengan jelas, namun mereka telah mula merasakan, akhbar ini sudah hilang rasa hormat kepada adat istiadat Melayu dan agama Islam yang diamalkan di Tanah Melayu melalui isu Natrah. Pengirim ketiga juga dilihat sangat menghormati adat istiadat Melayu dan agama Islam meskipun beliau bukannya beragama Islam. Ini menunjukkan bahawa, *non-muslim reader* dilihat kurang senang dengan tindakan akhbar ini dan turut menyokong Natrah. Kiriman ini menunjukkan bahawa, tidak hanya umat Islam dari seluruh dunia sahaja yang memberi sokongan terhadap Natrah, malah masyarakat bukan Islam turut memberi sokongan yang sama kepada Natrah. Penemuan ini dilihat dapat memberi dapatan baharu kepada kajian kes berkaitan Natrah, malah akhbar *Malayan Nanban* yang terdapat di Tanah Melayu dilihat turut menyiarkan laporan berkaitan isu Natrah dalam Bahasa Tamil meskipun akhbar ini dimiliki oleh Indian Muslim.

Ruangan “*Man In The Street*” pada 11 Ogos 1950 mengandungi dua kiriman pembaca mengenai Natrah. Kiriman pertama ialah berjudul “*Two Religion And Little Maria*,” oleh D. D. Chelliah dari Singapura.³⁶ Kiriman ini membincangkan mengenai kontroversi perkahwinan Natrah yang melibatkan ketegangan antara agama Islam dan agama Kristian di Singapura. Pengirim telah melahirkan rasa bimbang terhadap keharmonian dan keamanan yang dinikmati oleh mereka sebelum ini akan terganggu ekoran isu perkahwinan Natrah yang semakin hangat dipertikaikan. Pengirim juga telah membuka perbincangan mengenai unit keluarga dan peranan ibu bapa menentukan segala yang terbaik kepada anak-anak mereka. Selain itu, pengirim juga memfokuskan mengenai sekiranya anak-anak sudah dewasa dan matang, mereka berhak untuk menentukan segalanya dalam hidup mereka. Pengirim menyatakan bahawa tindakan Mr. Hertogh adalah datang dari keadaan yang dimana mereka masih menganggap Natrah masih lagi kanak-kanak. Banyak pihak masih lagi berpendapat bahawa Natrah masih muda untuk membuat keputusan sendiri dalam kehidupan beliau pada ketika itu. Pengirim telah meminta supaya para pembaca dapat membayangi perasaan ibu bapa kandung Natrah di Belanda yang bersusah payah mencari Natrah dalam beberapa tahun ini dan selepas menjumpainya, mereka seolah-olah akan kehilangan Natrah semula. Akhir sekali, pengirim telah meminta *The Straits Times* menggunakan pendekatan berdasarkan kepentingan kekeluargaan bukan mengaitkan dengan isu agama yang kerap digunakan oleh akhbar ini ketika membincangkan mengenai isu Natrah.³⁷

³⁶ The Straits Times, “Man In The Street, Two Religions And Little Maria,” 10 Ogos 1950.

³⁷ *Ibid.*

Kiriman kedua berjudul “Mr. Majid In The Chair,” oleh A. Bakar dari Singapura.³⁸ Pengirim telah memetik mengenai laporan *The Straits Times* pada 7 Ogos 1950 yang membincangkan mengenai agenda mesyuarat oleh Pertubuhan Kebajikan Muslim Singapura. Pengirim telah menjelaskan bahawa beliau merupakan ahli kepada Pertubuhan Kebajikan Muslim Singapura dan mereka telah mengadakan mesyuarat pada 6 Ogos 1950. Pengirim menerangkan bahawa isu mengenai Natrah @ Maria bukan dalam agenda mereka. Pengirim juga menerangkan bahawa Mr. Majid yang merupakan presiden kepada pertubuhan itu seolah-olah cuba untuk menguasai mesyuarat tersebut dan telah meletakkan kepentingan sendiri dalam segala perbincangan yang diadakan. Akhir sekali dalam kiriman ini, pengirim berharap supaya Mr. Majid meletakkan jawatan beliau sebagai presiden bagi pertubuhan ini dan digantikan dengan orang lain yang lebih layak untuk memikul tanggungjawab ini.³⁹

Rajah 5. *The Straits Times*, “Man In The Street, Maria Marriage”



Sumber: *The Straits Times*, “Man In The Street, Maria Marriage,” 9 Ogos 1950

Berdasarkan keseluruhan kiriman yang dinyatakan ini, ia menunjukkan dua paparan yang berbeza berhubung dengan isu Natrah yang kerap disensasikan dalam *The Straits Times*. Kiriman pertama yang berjudul “Two Religion And Little Maria,” adalah jelas menunjukkan pengirim sangat matang dalam memberikan hujah dan pendapat mengenai isu Natrah. Beliau telah bertindak menggabungkan konsep kekeluargaan dengan situasi semasa melalui analisis yang baik. Kiriman beliau didapati tidak menyata dengan jelas menyokong mana-mana pihak, namun disusun kemas dan sangat professional.

³⁸ The Straits Times, “Man In The Street, Mr. Majid In The Chair,” 10 Ogos 1950.

³⁹ *Ibid.*

Pengirim telah memberi nasihat berguna kepada *The Straits Times* supaya menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan keadaan sekeliling. Dirasakan pengirim telah membayangkan implikasi yang akan berlaku pada masa hadapan sekiranya *The Straits Times* tidak berhati-hati dan menyentuh sensitiviti masyarakat tertentu mengenai isu Natrah terutamanya hal berkaitan agama. Melalui kiriman kedua pula, kandungan kiriman tersebut agak berbeza berbanding kiriman-kiriman pembaca sebelum ini. Ini kerana kiriman ini seolah-olah dilihat cuba untuk menjatuhkan Mr. Majid⁴⁰ selaku Presiden Pertubuhan Kebajikan Muslim Singapura.⁴¹ Pengirim cuba menggunakan isu Natrah dan menyatakan perkara ini tidak dibincangkan dalam agenda mesyuarat mereka seperti yang dikhabarkan dalam *The Straits Times* sebelum ini. Ia seolah-olah menunjukkan pergolakan yang berlaku dalam pertubuhan ini dan motif pengirim adalah untuk menjatuhkan kredibiliti Mr. Majid.⁴² Jelas disini menunjukkan dua kiriman ini mempunyai dua sisi berbeza mengenai isu Natrah yang disensasikan oleh *The Straits Times* saban hari. Melalui dua kiriman ini juga jelas menunjukkan pembaca telah membuat tafsiran yang sendiri dan isu Natrah boleh dijadikan sebagai alasan untuk membongkar sesuatu yang boleh menjatuhkan kredibiliti pihak tertentu.

The Straits Times dalam ruangan “*Saturday Forum*” pada 12 Ogos 1950 mempunyai lima kiriman pembaca mengenai isu Natrah.⁴³ Kiriman pertama ialah berjudul “*Maria Marriage: The Sympathy Of A Chinese Mother*” yang merupakan kiriman wanita berbangsa Cina yang menggunakan nama samaran “*Mother Of Two*” dari Singapura. Pengirim menyatakan ucapan terima kasih kepada *The Straits Times* kerana berjaya membongkarkan dengan terperinci kontroversi perkahwinan Natrah dengan Mansoor Adabi. Pengirim telah melahirkan rasa simpati beliau terhadap Nadra @ Natrah @ Maria kerana diusia yang terlalu muda, telah dirancang perkahwinan beliau. Pengirim telah mengakhiri kiriman ini dengan melahirkan perasaan simpati beliau terhadap Mrs. Hertogh dan mengatakan hanya seorang ibu sahaja akan memahami perasaan wanita ini terhadap segala yang berlaku terhadap natrah.⁴⁴

Kiriman kedua berjudul “*Che Aminah’s Affection*” yang merupakan kiriman daripada pengirim yang menggunakan nama samaran “*Kenapa Chari Susah,*” dari Singapura.⁴⁵ Melalui kiriman ini, pengirim telah membuka perbincangan mengenai perasaan Che Aminah yang sekian lama membesarkan Natrah, namun keadaan ini telah diganggu dengan tuntutan hak penjagaan oleh ibu bapa kandung Natrah dari Belanda. Pengirim telah membayangkan betapa Che Aminah menyayangi Natrah dengan sepenuh hati dan kasih sayang ini akan tergugat sekiranya ada pihak yang masih menjalankan tindakan untuk memisahkan mereka. Pengirim mengakhiri kiriman beliau dengan menyatakan bahawa, meskipun penduduk Belanda mengadakan kutipan dana untuk membantu ibu bapa kandung Natrah membawa pulang ke Belanda, namun ia tidak mampu membeli kegembiraan Natrah yang dicekapi selama ini.⁴⁶

Kiriman ketiga pula berjudul “*The Task Of The Husband*” yang merupakan kiriman daripada pengirim yang menggunakan nama samaran “*A Mother*”. Melalui kiriman ini, pengirim telah mencadangkan agar Che Aminah menerima segala teguran dan kritikan yang dilemparkan terhadap beliau.⁴⁷ Pengirim berpendapat bahawa perkahwinan Natrah dengan Mansoor Adabi mempunyai masa depan yang cerah kerana suami beliau merupakan lelaki terpelajar. Pengirim juga menyatakan perkahwinan ini adalah dirancang kerana pengirim merasakan tidak mungkin bagi gadis seusia beliau mampu untuk mengatur segalanya mengenai perkahwinan beliau. Pengirim telah mengakhiri kiriman beliau dengan berharap suami Natrah dapat memikul tanggungjawab sebagai seorang suami yang baik kepada Maria dan perkahwinan mereka berkekalan hingga ke hujung hayat.

⁴⁰ Organisasi-organisasi Islam di Singapura seperti Pertubuhan Kebajikan Muslim Singapura dikuasai oleh golongan India Muslim kerana dalam kalangan mereka telah menerima pendidikan Inggeris dan pendidikan di timur tengah serta terlibat dengan situasi politik di luar negara. Sila rujuk Judith Djamour (1966), *The Muslim Matrimonial Court In Singapore*, New York: The Athlone Press, h. 7.

⁴¹ Persatuan Kebajikan Islam Singapura telah menubuhkan pusat pembelaan kehakiman yang dinamakan sebagai *Muslim Welfare Association*, Singapura. Tugas *Muslim Welfare Association* ialah untuk memungut derma bagi membiayai kes perbicaraan hak tuntutan penjagaan terhadap Maria. Pertubuhan ini telah mendapat kebenaran polis untuk memungut derma tersebut bagi menyokong Che Aminah dan Mansoor Adabi dari 12 September 1950 sehingga 31 Disember 1950. Tetapi dikatakan telah disingkatkan sehingga 30 Disember sahaja. Sila rujuk Ramlah Adam (2004), *Gerakan Radikalisme Di Malaysia (1938-1965)*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 336.

⁴² Mr. Majid merupakan individu yang membantu Che Aminah sepanjang percubaan menuntut hak penjagaan ke atas Maria. Sila rujuk Haja Maideen (1989), *Kontroversi Maria Hertogh, Tragedi Nadra*, Selangor, Ibs Buku Sdn. Bhd., h. 154.

⁴³ *The Sunday Times*, “*Saturday Times, Maria’s Marriage: The Sympathy of a Chinese Mother,*” 12 Ogos 1950.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ *The Sunday Times*, “*Saturday Times, Che Aminah’s Affection,*” 12 Ogos 1950.

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ *Ibid.*

Kiriman keempat dalam ruangan ini adalah berjudul “*Legal Issue*” yang merupakan kiriman daripada pengirim yang menggunakan nama samaran “Anak Singapura” yang juga dari Singapura.⁴⁸ Pengirim telah melahirkan kebimbangan mengenai suasana ketegangan dan konflik antara agama yang meletus ekoran isu Natrah yang acapkali disensasikan oleh *The Straits Times*.⁴⁹ Pengirim telah menyatakan bahawa permasalahan ini adalah berkait rapat dengan permasalahan undang-undang. Oleh itu, pengirim meminta agar semua pihak supaya bertenang dan membiarkan makhamah menentukan keputusannya. Pengirim telah mengakhiri kiriman beliau dengan berharap segala konflik tidak akan berlaku di Singapura dan keamanan dapat dikekalkan seperti biasa.

Kiriman kelima iaitu kiriman terakhir dalam ruangan ini datang dari R. G. S. dari Singapura yang berjudul “*Psychological Aspect*”.⁵⁰ Kiriman ringkas ini telah menyatakan mengenai kebimbangan pengirim mengenai psikologi Natrah sekiranya beliau diarahkan kembali kepada ibu bapa kandung beliau di Belanda. Ini kerana, ianya akan mempengaruhi pemikiran dan emosi Natrah dan beliau akan membesar dalam keadaan tertekan serta murung.⁵¹ Berkemungkinan Natrah akan mengalami masalah jiwa apabila beliau dewasa kelak sekiranya perkara ini terjadi.⁵²

Diakui, ruangan “*Saturday Forum*” dalam *The Straits Times* pada setiap Sabtu menjadi perhatian para pembaca. Melalui lima kiriman yang tersenarai, didapati tiga pengirim adalah menyebelahi Natrah, satu kiriman yang menyebelahi ibu bapa kandung Natrah dan satu kiriman adalah kiriman yang berkecuali. Melalui situasi yang dinyatakan, dapat dilihat rentak para pengirim masih lagi memberi kemenangan kepada Natrah dan perkembangan ini kalau ditinjau dengan lebih mendalam adalah tidak menyihatkan ekoran ia memberi gambaran akhbar ini masih lagi kurang berjaya mempengaruhi para pembacanya. Penyelidikan ini juga mendapati, pengirim mula berasa bimbang dengan *psychological disorder* yang akan menimpa Natrah sekiranya beliau terus diganggu dengan isu yang berlaku pada ketika itu. Kebimbangan yang dinyatakan dilihat sememangnya berlaku kepada Natrah sehingga ke hujung hayatnya. Malah menurut, Fatini Yaacob, Natrah sememangnya bergelut dengan gangguan psikologi sehingga mempengaruhi segala tindakan dan keputusan yang dilakukan dalam hidup beliau selepas itu. Melalui kiriman yang dinyatakan, ketakutan dalam kebimbangan pengirim berkaitan *psychological disorder* kepada Natrah dilihat telah dirasai sekian lama, namun akhbar ini dilihat tidak mengendahkan segala kebimbangan yang dinyatakan. Malah mereka dilihat terus ghairah mencari dan membina isu mengenai Natrah serta menganggap jiwa seorang gadis ini tiada nilainya. Penggunaan isu Natrah sebagai objek dan subjek utama akhbar ini dilihat menunjukkan golongan wanita dijadikan sebagai mangsa dan wanita menjadi mangsa stereotaip media melalui pembahagian peranan gender dengan jelas.

The Straits Times dalam ruangan “*Man In The Street*” pada 14 Ogos 1950 mempunyai empat kiriman berkaitan dengan Natrah. Kiriman pertama ialah berjudul “*The Child Who Was Lost*” yang merupakan kiriman daripada R. N. Somon dari Singapura.⁵³ Kiriman ini merupakan luahan rasa simpati pengirim terhadap ibu bapa kandung Natrah dari Belanda. Pengirim telah menyelar Che Aminah yang bertindak memutuskan hubungan antara anak dengan ibu bapa kandung beliau. Pengirim juga menyimpulkan bahawa tindakan Che Aminah mengatur perkahwinan Natrah kerana Che Aminah mahu mengekalkan Natrah dibawah penjagaan beliau meskipun mahkamah belum memberikan kuasa mutlak kepada beliau berkenaan hak penjagaan yang dinyatakan.⁵⁴

⁴⁸ The Sunday Times, “Saturday Times, Legal Issue,” 12 Ogos 1950.

⁴⁹ Kebimbangan yang diluahkan pengirim sebenarnya telah berlaku sama sekali selepas Natrah diperintahkan kembali ke pangkuan ibu bapa kandung beliau di Belanda. Telah berlakunya sebuah rusuhan yang dikenali sebagai “Rusuhan Singapura” atau “Rusuhan Natrah” yang berpunca utamanya ialah disebabkan ketegangan agama. Sila rujuk CO 537 / 7302, Political Development Postem Affairs And Opinion, Malayan Security Forces, Causes Of Riots, 23 Jan. 1951.

⁵⁰ The Sunday Times, “Saturday Times, Psychological Aspect,” 12 Ogos 1950.

⁵¹ Telahan pengirim terhadap kemungkinan akan berlakunya gangguan terhadap pemikiran dan emosi Natrah selepas itu sememangnya berlaku sama sekali dalam hidup beliau. Pemikiran dan emosi Natrah sememangnya terganggu dan beliau kerap melakukan tindakan yang dipengaruhi oleh keadaan sekeliling. Sememangnya, hidup Maria di Belanda dilanda derita yang berpanjangan dan dikatakan beliau mengalami masalah jiwa yang kronik. Sila rujuk Fatini Yaacob, *Natrah @ Nadra @ Huberdina Maria Hertogh @ Bertha, Cinta, Rusuhan, Air Mata*, h. 305-325.

⁵² Warta Negara pada 27 November 1950 melalui artikel mereka yang berjudul “*Natrah Dikatakan Ugut Hendak Bunuh Diri*” telah melaporkan bahawa Natrah @ Maria telah mengalami tekanan yang hebat sepanjang proses perceraian kes tuntutan hak penjagaan terhadap beliau di Mahkamah Tinggi Singapura. Ini menunjukkan emosi Maria terganggu ekoran segala yang berlaku disekeliling beliau pada ketika itu.

⁵³ The Straits Times, “Man In The Street, The Child Who Was Lost,” 14 Ogos 1950.

⁵⁴ *Ibid.*

Kiriman kedua ialah berjudul “*A Chinese Girl*” merupakan kiriman daripada pengirim yang menggunakan nama samaran “*Non-Racial*” dari Singapura.⁵⁵ Kiriman ini berkisarkan mengenai pendapat pengirim mengenai perkahwinan Maria yang disiarkan oleh *The Straits Times* sebelum ini. Pengirim telah menyatakan bahawa seharusnya Mr. Majid harus tegas dalam menyelesaikan isu Natrah ini. Pengirim menyatakan bahawa agak pelik sekiranya beliau boleh mengaturkan perkahwinan beliau sendiri sekiranya dilihat berdasarkan umur beliau pada ketika itu. Situasi ini mungkin dirancang oleh pihak tertentu yang dikatakan mengambil berat terhadap diri Natrah. Di akhir kiriman ini, pengirim telah menegaskan bahawa Mr. Majid seharusnya bertanggungjawab agar perkahwinan di usia yang sangat muda tidak berlaku dan perkahwinan seharusnya dilangsungkan sekiranya seseorang sudah matang serta mampu berdikari sendiri.⁵⁶

Kiriman ketiga ialah berjudul “*Any Father’s Feelings*” yang merupakan kiriman daripada T. A. L. dari Kuala Lipis, Pahang.⁵⁷ Melalui kiriman ini, ia merupakan luahan rasa seorang bapa yang ditujukan khas kepada semua pihak yang bekerja keras untuk mencampuri urusan kehidupan Natrah dan keluarga angkatnya. Pengirim telah menyatakan bahawa situasi seperti dinyatakan dalam *The Straits Times* pada 4 Ogos 1950 yang mengatakan perkahwinan Natrah ini adalah berdasarkan keputusan beliau sendiri tanpa paksaan mana-mana pihak merupakan situasi yang mungkin akan berlaku. Ini kerana merujuk kepada situasi perkahwinan gadis Melayu yang beragama Islam pada usia Natrah, anak-anak gadis ini akan dinikahkan pada usia muda. Adalah dipercayai, Natrah sudah merasa keperluan ini dengan melihat situasi di sekeliling beliau. Pengirim mengakhiri kiriman beliau dengan menyatakan bahawa, sekiranya beliau berada disituasi tersebut, sememangnya beliau akan mengambil tindakan seperti yang dilakukan oleh Che Aminah iaitu melepaskan Natrah berkahwin dengan orang lain.⁵⁸

Kiriman keempat iaitu kiriman terakhir pada tarikh yang dinyatakan bagi ruangan ini ialah berjudul “*Another Asian*”.⁵⁹ Kiriman ini datang daripada kiriman pengirim yang menggunakan nama samaran “*Justice Please*” dari Singapura. Kiriman ini dimulakan penyataan yang dilakukan pengirim yang mengatakan bahawa semua pihak termasuk pihak media dan kerajaan terlalu memberi fokus terhadap Che Aminah, Mansoor Adabi dan Mr. Majid. Beliau merasakan semua pihak yang terlibat tidak bersimpati dengan ibu bapa kandung Natrah di Belanda yang berjuang bagi mendapatkan hak penjagaan semula terhadap Maria. Pengirim telah mengatakan bahawa ibu bapa kandung Natrah telah bersusah payah mencari Natrah semula yang dibawa lari oleh jururawat mereka dahulu iaitu merujuk kepada Che Aminah. Semua yang terlibat harus mengerti perasaan ibu bapa kandung Natrah bukannya Che Aminah dan lain-lain lagi. Pengirim mengakhiri kiriman beliau dengan menegaskan bahawa beliau percaya bahawa perkahwinan yang dilangsungkan selepas dua hari Natrah dikembalikan kepada Che Aminah merupakan perkahwinan yang dirancang. Ia bertujuan bagi memastikan Natrah menjadi hak milik kekal Che Aminah dan menafikan tuntutan hak penjagaan oleh ibu bapa kandung Natrah tersebut.⁶⁰

Berdasarkan kiriman pembaca yang dinyatakan, rentak pengirim berkenaan isu Natrah bagi telah bertukar dan telah menyokong laporan yang dikeluarkan oleh *The Straits Times* meskipun masih terdapat pengirim yang masih menyokong Natrah. Situasi ini sememangnya tidak memeranjatkan malah akhbar ini sememangnya mengharapkan pembaca akhbar ini menyokong laporan mereka sepenuhnya. Malah didapati pembaca *The Straits Times* adalah terdiri daripada pegawai British, golongan pertengahan, golongan pro-barat, dan lain-lain lagi.⁶¹ Situasi ini menunjukkan bahawa, akhbar ini turut berjaya membentuk penyokong dan komuniti yang berpihak kepada mereka meskipun pada peringkat awal, ianya tidak seperti yang diharapkan. Penyelidikan ini melihat, sokongan yang diberikan adalah berlandaskan kepada kepentingan bagaimana seorang anak yang harus dikembalikan kepada ibu bapa kandungnya. Natrah yang masih dianggap ‘kanak-kanak’ adalah seharusnya berada

⁵⁵ The Straits Times, “Man In The Street, A Chinese Girl,” 14 Ogos 1950.

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ The Straits Times, “Man In The Street, Any Father’s Feelings,” 14 Ogos 1950.

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ The Straits Times, “Man In The Street, Another Asian,” 14 Ogos 1950.

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ Golongan pro-barat di Singapura terdiri daripada bangsa Cina, India, Eropah, *Eurasians* dan lain-lain lagi. Berdasarkan Colony Of Singapore Annual Report, 1950 telah melaporkan bahawa pada tahun 1950, jumlah penduduk Singapura ialah sebanyak 1, 015 453 orang. 789 160 orang terdiri daripada bangsa Cina, 72 467 orang terdiri daripada bangsa India, 11504 orang terdiri daripada bangsa Eropah, 10093 orang terdiri daripada bangsa *Eurasians*, 8605 orang terdiri daripada bangsa lain-lain. Bangsa Melayu hanya berjumlah 123624 di Singapura pada ketika itu.

di bawah penjagaan ibu bapa kandungnya dari Belanda. Namun begitu, bagi orang Melayu, Natrah yang berusia 13 tahun dan ‘dimelayukan’ telah sesuai untuk dikahwinkan seiring amalan kehidupan pada ketika itu. Perbezaan interpretasi yang dinyatakan turut disebabkan mereka melihat Natrah bukannya ‘Melayu’ sebaliknya seorang anak gadis yang dilarikan dan terpisah jauh dari ibu bapa kandung beliau.

Rajah 6. *The Sunday Times*, “Aminah Collapses At Parting”



Sumber: *The Sunday Times*, “Aminah Collapses At Parting,” 3 Disember 1950

The Straits Times melalui ruangan “*Man In The Street*” pada 15 Ogos 1950 hanya mempunyai sebuah kiriman yang menyentuh mengenai isu Natrah.⁶² Kiriman tersebut ialah berjudul “*In A Malay Mind*” yang merupakan kiriman Abdul dari Johor Bahru. Pengirim menyatakan pendirian beliau bahawa isu Natrah yang dimainkan oleh akhbar ini merupakan isu yang berkaitan dengan agama dan bangsa. Pengirim telah bertindak untuk memberi sokongan kepada Che Aminah dengan mengatakan bahawa Che Aminah membesarkan Natrah dengan penuh kasih sayang tanpa mengharapkan sebarang pembalasan. Ini menafikan dakwaan bahawa Mr. Hertogh telah menawarkan wang pampasan tertentu kepada Che Aminah untuk mengembalikan Maria kepada mereka dan Che Aminah bertindak menerima wang pampasan tersebut. Pengirim telah menafikan perkara ini berlaku kerana bukti telah mendapati bahawa Che Aminah merupakan seorang yang kaya dan berharta serta menafikan bahawa, Che Aminah sebagai Jururawat atau pembantu rumah kepada keluarga Hertogh di Indonesia pada ketika dahulu.⁶³ Di akhir kiriman beliau, pengirim telah meminta supaya pihak tertentu tidak perlu lagi mengganggu kehidupan dan kebahagiaan Maria selepas ini.

Kiriman ini dilihat telah mendapat maklum balas daripada akhbar ini ekoran penyelidikan ini melihat, akhbar ini tercabar dengan tuduhan pengirim yang menyatakan dengan jelas akhbar ini mula bermain dengan ‘api’ ekoran jelas menyentuh isu agama Islam dan adat istiadat Melayu melalui isu Natrah. Malah sekiranya dilakukan perbandingan terhadap kiriman para pembaca sebelumnya, kiriman ini sangat berani menuduh akhbar ini dengan dakwaan yang sedemikian. Malah timbulnya persoalan, mengapa *The Straits Times* menyiarkan kiriman ini meskipun ianya langsung tidak berpihak kepada mereka? Sebaliknya artikel ini berpendapat, tindakan akhbar ini menyiarkan kiriman yang dinyatakan adalah untuk menggalakkan penyokong mereka memberi maklum balas terhadap kiriman ini. Strategi yang digunakan ini sebenarnya sekadar uji kaji supaya respon yang diharapkan mampu meningkatkan sokongan terhadap tindakan mereka yang menjadikan isu Natrah antara subjek dan objek utama akhbar ini dalam tempoh yang dinyatakan. *The Straits Times* telah menegaskan bahawa isu Natrah yang mereka bangkitkan ialah isu yang tidak menyentuh sensitiviti agama mana-mana pihak tetapi

⁶² *The Straits Times*, “*Man In The Street, In A Malay Mind*,” 15 Ogos 1950.

⁶³ *Ibid.*

lebih kepada perjuangan untuk menuntut keadilan individual dan hak pihak tertentu. Namun begitu, tindakan akhbar ini memberikan respon yang dinyatakan adalah tidak menyamai dengan analisis visual Natrah yang disiarkan dalam akhbar ini. Misalnya, akhbar ini telah menyiarkan gambar Natrah kononnya bergembira apabila ditempatkan di gereja dilihat menunjukkan akhbar ini berniat jahat dan telah menyentuh sensitiviti orang Melayu serta agama Islam. Malah tidak hanya melalui visual yang dinyatakan, tindakan akhbar ini yang kerap menyiarkan laporan berita yang berat sebelah berkaitan perkahwinan dalam Islam dilihat turut berniat jahat dalam usaha mereka menimbulkan prasangka yang tidak baik berkaitan amalan perkahwinan dalam kalangan umat Islam di Tanah Melayu. Melalui situasi yang dinyatakan, jelas menunjukkan akhbar ini sekadar menafikan dakwaan pengirim dengan kenyataan balas yang sangat dangkal. Tuduhan yang dilemparkan pengirim sememangnya ada asasnya, malah kecenderungan akhbar ini mencetuskan polemik berkaitan adat istiadat Melayu dan gama Islam melalui isu Natrah sememangnya jelas melalui laporan pertama mereka mengenai Natrah.

Dalam ruangan “*Man In The Street*” dalam *The Straits Times* pada 16 Ogos 1950, hanya terdapat sebuah kiriman yang disiarkan dalam ruangan ini.⁶⁴ Kiriman ini berjudul “*A Chinese Girl Who Married A Malay*” yang merupakan kiriman daripada pengirim yang menggunakan nama samaran “*Very Happy Mother Of Several Children*”. Kiriman ini merupakan luahan seorang mualaf iaitu merujuk kepada wanita Cina yang menceritakan mengenai pengalaman beliau berkahwin dengan jejaka Melayu pada usia 14 tahun dan perkahwinan ini berlaku mengikut kehendak dirinya. Pengirim cuba mengaitkan kisah hidup beliau dengan perkahwinan Natrah kepada pembaca. Perkahwinan beliau adalah terbina berdasarkan cinta pandang pertama dan pengirim sangat bahagia dengan perkahwinan tersebut. Pengirim juga telah menempelak kiriman yang berjudul “*Sympathy Of A Chinese Mother*” sebelum ini. Ini kerana, pengirim berpendapat “*Mother of Two*” sengaja bermain emosi mengenai perkahwinan Maria dan Mansoor Adabi. Pengirim menegaskan bahawa perkahwinan Natrah adalah berkait rapat dengan hubungan kasih sayang oleh individu yang Maria sayangi. Pengirim telah mengucapkan tianiah terhadap perkahwinan Natrah dengan Mansoor Adabi dan berharap Mansoor Adabi dapat membahagiakan Natrah sehingga ke hujung hayat.⁶⁵

Penyelidikan ini melihat kiriman ini sangat dekat dengan Natrah. Malah situasi cinta pandang pertama yang berlaku kepada pengirim dilihat menunjukkan sememangnya fenomena berkenaan adalah perkara biasa dalam kehidupan orang Melayu pada ketika itu. Ini menunjukkan cinta pandang pertama antara Natrah dan Mansoor Adabi sememangnya benar-benar berlaku. Malah Mansoor Adabi dan Natrah diyakini mempunyai perasaan cinta yang ikhlas melalui pertemuan yang singkat dan tindakan keluarga terdekat dalam menyegerakan perkahwinan antara mereka berdua adalah berlandaskan niat mereka berdua yang mahu disatukan dalam perkahwinan. Malah tindakan pengirim yang menyatakan perkahwinan *multi-cultural* mampu memberikan kebahagiaan dalam kehidupan meskipun Natrah telah ‘dimelayukan’ dilihat mampu menjawab segala persoalan dan kebimbangan yang ditimbulkan di atas perkahwinan yang dibina oleh Mansoor Adabi dan Natrah.

Dalam ruangan “*Saturday Forum*” dalam *The Straits Times* pada 22 Ogos 1950, terdapat sebuah kiriman yang sangat menarik dan agak lain sekiranya dibandingkan dengan kiriman sebelum ini mengenai isu Natrah.⁶⁶ Kiriman itu ialah datang dari kiriman Wak Leh dari Kuantan, Pahang yang berjudul “*Maxims For Maria*”. Pengirim merupakan seorang bapa yang mempunyai enam orang anak dan beliau juga adalah bapa angkat kepada anak tiri beliau bersama isteri beliau sekarang. Berbeza terhadap kiriman ini adalah apabila beliau cuba memberi penghargaan kepada Mr. Hertogh, Che Aminah dan Mansoor Adabi yang selama ini telah mencurahkan kasih sayang terhadap Maria @ Natrah. Dalam kiriman ini, pengirim telah bertindak untuk memasukkan puisi Melayu berbentuk Maxism iaitu:

*Kaseh bapa sama berhadapan.
Kaseh ibu sa-panjang jalan.
Kaseh saudara sama berada.
Kaseh sahabat menudong malu.
Kaseh suami berkorban nyawa.
Kaseh isteri ka-pintu kubor.*⁶⁷

⁶⁴ The Straits Times, “Man In The Street, A Chinese Girl Who Married A Malay,” 15 Ogos 1950.

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ The Straits Times, “Man In The Street, Maxims For Maria,” 22 Ogos 1950.

⁶⁷ *Ibid.*

Melalui puisi ini, penyelidik berpendapat pengirim menjadikan isu Natrah yang berlaku adalah kesan melalui hubungan kelas dan konflik sosial. Pengirim dilihat cuba menjelaskan fenomena sosial dalam masyarakat yang merujuk kepada isu Natrah adalah berkait dengan kegiatan ekonomi yang dilaksanakan pada ketika itu. Kapitalisme yang mengeksploitasi dan berorientasikan keuntungan dilihat membentuk perubahan sosial melalui perjuangan antara kelas yang berlainan dalam masyarakat yang saling bertentangan antara satu sama lain. Pengirim ini melihat ciri-ciri *Maxism* sememangnya sangat dominan dalam isu Natrah. Ini menyebabkan pengirim cuba menyatukan semua pihak yang bertelagah isu Natrah. Ini dapat dilihat apabila pengirim menyamakan kasih sayang semua pihak yang terlibat dalam isu Natrah. Baginya kasih sayang semua yang pihak terlibat terhadap Natrah adalah tidak berbelah bahagi dan mempunyai tujuan yang sama iaitu menjaga untuk kepentingan Natrah. Kiriman ini menunjukkan pengirim bukan individu sembarangan dan mempunyai 'class' yang tersendiri. Tafsiran yang diberikan adalah refleksi dengan amalan ekonomi di Tanah Melayu yang sememangnya mempengaruhi norma-norma sosial sesebuah masyarakat.

The Straits Times pada 24 Ogos 1950 terdapat sebuah kiriman yang merupakan respon balas artikel daripada akhbar Majlis pada 8 Ogos 1950.⁶⁸ Kiriman ini berjudul "*A Malay Muslim Reply To Majlis, Islam Does Not Take A Child From Its Absent Parents*" yang merupakan kiriman daripada pengirim yang menggunakan nama samaran Muslim Jati dari Tanah Melayu. Kiriman ini membincangkan dengan panjang lebar mengenai pemahaman ajaran Islam sebenar. Pengirim menyatakan umat Islam mempunyai hubungan saudara antara satu sama lain dan setiap permasalahan yang berlaku adalah masalah bersama. Umat Islam harus bersatu bagi menyelesaikan permasalahan ini kerana ia melibatkan kepentingan sejagat iaitu meliputi aspek perkembangan Islam di dunia. Agama dan perjuangan merupakan dua istilah dan pemahaman yang berbeza. Islam tidak menyempitkan pemahaman berkaitan dengan kedua-dua istilah ini dan dapat diambil bukti tersebut dari Al-Quran. Sejarah Islam membuktikan bahawa Muhammad telah bertindak adil dengan semua lapisan masyarakat iaitu meliputi kepada masyarakat Islam dan bukan Islam. Oleh itu, umat Islam harus mengikut amalan dan segala yang ditetapkan dalam Islam. Ini kerana melalui Al-Quran terdapat banyak panduan hidup yang mengikut acuan Islam itu sendiri dan merentas semua zaman. Ia membawa maksud bahawa segala panduan hidup dalam Al-Quran dapat digunakan dalam semua konteks masa dan zaman tanpa ragu-ragu oleh penganut Islam. Pengirim bertindak mengakhiri kiriman beliau dengan menyatakan tindakan Che Aminah menghalang Natrah daripada diserahkan kepada ibu kandungnya dari Belanda adalah tidak mengikut ajaran Islam yang sebenar.⁶⁹

Penyelidikan ini melihat kiriman ini mempunyai tafsiran yang tersendiri mengenai amalan Islam yang sepatutnya diikuti oleh umat Islam dan pengirim telah menjadikan isu Natrah sebagai asas kepada analisis beliau. Malah melalui tindakan beliau yang menyatakan Che Aminah tidak seharusnya bertindak sedemikian adalah berlandaskan kepada tafsiran yang tidak merujuk kepada perkembangan kajian secara menyeluruh. Pengirim dilihat sememangnya mempunyai pengetahuan Islam yang baik, namun timbulnya persoalan mengapa pengirim bertindak membalas kenyataan akhbar Majlis melalui *The Straits Times*? Penyelidik berpendapat, tindakan pengirim memberikan maklum balas kepada akhbar ini kerana pengirim berniat memberi sebuah pemahaman jelas kepada para pembaca akhbar ini yang dilihat tidak memahami bagaimana ajaran Islam yang sebenar diamalkan dalam kehidupan. Oleh itu, penyiaran artikel ini adalah bertujuan untuk membetulkan kesalahan artikel akhbar Majlis terhadap isu yang dikemukakan. Namun jika dilihat dengan lebih jelas, kiriman ini memberi sentimen yang buruk kepada imej Islam dan isu Natrah itu sendiri. Sudah semestinya para pembaca akhbar ini akan menyatakan perkahwinan Natrah adalah tidak mengikut ajaran Islam yang sebenar dan akan menimbulkan persepsi yang buruk seperti yang diharapkan oleh akhbar ini penyiaran laporan berkaitan Natrah sepanjang tempoh yang dinyatakan. *The Straits Times* selepas 24 Ogos 1950, tidak lagi menyiarkan kiriman pembaca yang membincangkan mengenai isu Natrah. Ini kerana mereka telah menyedari bahawa pembaca tidak sepenuhnya memberi sokongan kepada mereka dalam melaporkan laporan mengenai Natrah sepanjang tempoh yang dinyatakan

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tindakan *The Straits Times* dalam mensensasikan isu mengenai Natrah dilihat tidak dapat mempengaruhi sepenuhnya pemikiran dan minat para pembaca akhbar berkenaan isu yang

⁶⁸ The Straits Times, "A Malay Muslim Reply To Majlis, Islam Does Not Take A Child From Its Absent Parents," 24 Ogos 1950.

⁶⁹ *Ibid.*

Di Sebalik Isu Natrah, 1950: Reaksi Pembaca The Straits Times terhadap Tragedi Natrah dinyatakan. Malah didapati jumlah kiriman yang tidak menyokong laporan akhbar ini mengenai isu Natrah adalah melebihi daripada jumlah kiriman yang menyokong akhbar ini. Situasi ini menunjukkan *The Straits Times* gagal mencapai matlamat untuk mempengaruhi pembaca dalam laporan dan visual berkaitan Natrah dalam tempoh yang dinyatakan. Malah tindakan *The Straits Times* yang bersifat terbuka dalam menyiarkan kiriman pembaca dilihat tidak memberi keuntungan kepada mereka sebaliknya telah menjerat mereka dengan polemik yang tersendiri. Tindakan mereka dilihat telah menyebabkan umat Islam bersatu dan mencetuskan Rusuhan Natrah yang merupakan refleksi terhadap keputusan mahkamah yang berpihak kepada ibu bapa kandung Natrah dan tindakan *The Straits Times* yang tidak menghormati adat istiadat Melayu dan agama Islam itu sendiri. Sememangnya *The Straits Times* harus bertanggungjawab dalam rusuhan yang dinyatakan. Malah adalah sewajarnya pada ketika itu, akhbar ini diheret ke muka pengadilan dan didakwa dengan seadilnya. Natrah telah meninggal dunia pada 9 Julai 2009 ketika berumur 72 tahun di Huijbergen, Belanda. Berita kematian beliau telah mengusik hati dan perasaan rakyat Malaysia dan menunjukkan bahawa kasih sayang antara manusia adalah melebihi segalanya meskipun berjauhan dan berbeza pegangan serta kepercayaan.

Rujukan

Ahmad Adam (1992), *Sejarah Bibliografi Akhbar Dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bradford Observer, 16 Disember 1950.

CO 537 / 7302, Political Development Postem Affairs And Opinion, The History Of The Hertogh Case, Jan. 1951.

Colony of Singapore Annual Report, 1950.

Dewan Masyarakat, Februari 1989.

Fatini Yaacob (2010), *Natrah (1937-2009) Nadra @ Huberdina Maria Hertogh @ Bertha : Cinta, Rusuhan, Air Mata*, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Haja Maideen (1989), *Kontroversi Maria Hertogh, Tragedi Nadra*, Selangor, Ibs Buku Sdn. Bhd.

Hooker, M. (2014), "Essay: Maria Was a Christian-Nadra Was a Muslim: Hertogh Revisited," *Australian Journal of Asian Law*, Jil. 14, Bil. 2.

Hughes, Tom Eames (1980), *Tangled Worlds: The Story of Maria Hertogh*. No. 1. Institute of Southeast Asian.

Judith Djamour (1966), *The Muslim Matrimonial Court In Singapore*, New York: The Athlone Press.

Majalah Qalam, September 1950.

Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif & Arba'iyah Mohd Noor (2019), "Syed Abdullah Hamid al-Edrus: Perjalanan sebagai Penulis, Penerbit dan Pengasas Qalam," *Sejarah: Journal of the Department of History*, Jil. 28, Bil. 1, 86-101.

Nordin Hussin (2005), "Malay Press and Malay Politics: The Hertogh Riots in Singapore," *Asia Europe Journal*, Jil. 3, Bil. 4, 561-575.

Perak Secretariat 264/195, Protest By The Malays And Ulama's Of Hijaz Againsts The Decision Of The High Council Singapore On The Natrah Case, Judgment In The "Nadra" Case, Mustaffa Afifi, 25 Disember 1950, Mecca.

Ramlah Adam (2004), *Gerakan Radikalisme Di Malaysia (1938-1965)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Singapore Standard, "Judgment, Reserved In Malay's Appeal For Dutch Girl," 7 Julai 1950.

Syed Muhd Khairudin Aljunied (2009), *Colonialism, Violence And Muslim In Southeast Asia, The Maria Hertogh Controversy And Its Aftermath*, London: Routledge.

The Straits Times, "Man In The Street, Maria Marriage," 9 Ogos 1950.

The Straits Times, "Man In The Street, Maria Hertogh's A Muslim View," 10 Ogos 1950.

The Straits Times, "Man In The Street, An Indian View," 10 Ogos 1950.

The Straits Times, "Man In The Street, From A Malay," 10 Ogos 1950.

The Straits Times, "Man In The Street, Mr. Majid In The Chair," 10 Ogos 1950.

The Straits Times, "Man In The Street, Two Religions And Little Maria," 10 Ogos 1950.

The Straits Times, "Man In The Street," 14 Ogos 1950.

The Straits Times, "Man In The Street, The Child Who Was Lost," 14 Ogos 1950.

The Straits Times, "Aminah Collapses At Parting," 3 Disember 1950.

The Sunday Times, "Saturday Times, Che Aminah's Affection," 12 Ogos 1950.

The Sunday Times, "Saturday Times, Legal Issue," 12 Ogos 1950.

The Straits Times, "Man In The Street, A Chinese Girl," 14 Ogos 1950.

The Straits Times, "Man In The Street, Another Asian," 14 Ogos 1950.

The Straits Times, "Man In The Street, Any Father's Feelings," 14 Ogos 1950.

The Straits Times, "Man In The Street, In A Malay Mind," 15 Ogos 1950.

The Straits Times, "Man In The Street, A Chinese Girl Who Married A Malay," 15 Ogos 1950.

The Straits Times, "Man In The Street, Maxims For Maria," 22 Ogos 1950.

The Straits Times, "A Malay Muslim Reply To Majlis, Islam Does Not Take A Child From Its Absent Parents," 24 Ogos 1950.

The Sunday Times, "Saturday Times, Psychological Aspect," 12 Ogos 1950.

The Sunday Times, "Saturday Times, Maria's Marriage: The Sympathy Of A Chinese Mother," 12 Ogos 1950.

The Sunday Times, "Saturday Times, The Task Of The Husband," 12 Ogos 1950.

Warta Negara, 9 Ogos 1950.

Warta Negara, 27 November 1950.